

## **PERJANJIAN & WARANTI TERHAD BAGI PERKAKASAN PENGELOUAR**

Perjanjian & Waranti Terhad Bagi Perkakasan Pengeluar (“Waranti”) ini adalah sebuah perjanjian antara anda dan entiti kontrak Microsoft yang dikenal pasti di bawah Waranti ini (“Microsoft”).

**DENGAN PEMBELIAN ATAU PENGGUNAAN PRODUK MICROSOFT ANDA, ANDA BERSETUJU DENGAN WARANTI INI. SILA BACA DAN SIMPAN SATU SALINAN UNTUK REKOD ANDA. JIKA ANDA TIDAK MENERIMA WARANTI INI, JANGAN GUNA PRODUK MICROSOFT ANDA DAN PULANGKANNYA TANPA DIGUNAKAN KEPADA PERUNCIT, PENJUAL ATAU MICROSOFT BAGI MENDAPATKAN BAYARAN BALIK. JIKA ANDA MEMULANGKANNYA, WARANTI INI AKAN MENGAWAL SELIA APA YANG BERLAKU SEBELUM ANDA MEMULANGKANNYA.**

**PERKAITAN DENGAN UNDANG-UNDANG KONSUMER.** WARANTI INI MEMBERI ANDA HAK UNDANG-UNDANG SPESIFIK DAN SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA, TIDAK MENGGANTIKAN, APA-APA HAK YANG ANDA ADA DI BAWAH UNDANG-UNDANG KONSUMER ATAU LAIN-LAIN UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA ANDA. ANDA JUGA MUNGKIN MEMPUNYAI HAK LAIN YANG BERBEZA DARI NEGERI KE NEGERI ATAU Mengikut Wilayah atau Negara/Rantau. SELAIN DARIPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, MICROSOFT TIDAK MENGEQUALIKAN, MEMBATASKAN ATAU MENGGANTUNGKAN HAK LAIN YANG ANDA MUNGKIN ADA TERMASUK HAK YANG MUNGKIN TIMBUL DARIPADA KETIDAKAKURAN KONTRAK JUALAN.

### **1. Definisi**

- (a) “Produk Microsoft” bermaksud produk perkakasan Microsoft tulen yang dibeli daripada Microsoft atau peruncit atau penjual berdaftar. Berbanding dengan waranti ini, sesetengah produk perkakasan Microsoft mempunyai waranti terhad masing-masing.
- (b) “Keadaan Penggunaan Normal” bermaksud penggunaan konsumen biasa di bawah keadaan normal mengikut arahan dalam manual dan mana-mana dokumen sokongan lain yang disediakan oleh Microsoft bagi Produk Microsoft.

### **2. Tempoh**

Tanpa prejidis kepada mana-mana hak undang-undang (statutori) yang mana anda berhak di bawah undang-undang tempatan anda, Waranti ini bertahan selama **satu tahun** dari tarikh pembelian asli daripada Microsoft atau peruncit atau penjual berdaftar melainkan suatu masa lain tertera di bawah:

Tempoh	Nama Produk
90 Hari	Konsol Xbox Dibaharui dan semua Aksesori Xbox (kecuali bagi Xbox Elite Wireless Controller Siri 2); komponen ganti dijual secara berasingan
2 Tahun	Compact Optical Mouse 500, Compact Optical Mouse, HoloLens 2 Industrial Edition sahaja
3 Tahun	All-in-One Media Keyboard, Arc Touch Mouse, Basic Optical Mouse, Bluetooth Mobile Mouse 3600, Comfort Mouse 4500, Designer Bluetooth Desktop, Designer Bluetooth Mouse, LifeCam Cinema, LifeCam HD-3000, LifeCam Studio, LifeChat LX-3000, Natural Ergo Keyboard 4000, Sculpt Comfort Desktop, Sculpt Comfort Mouse, Sculpt Ergonomic Desktop, Sculpt Ergonomic Keyboard, Sculpt Ergonomic Mouse, Sculpt Mobile Mouse, Wired Desktop 600, Wired Keyboard 600, Wireless Comfort Desktop 5050, Wireless Desktop 2000, Wireless Desktop 3050, Wireless Desktop 850, Wireless Desktop 900, Wireless Mobile Mouse 1850, Wireless Mobile Mouse 3500, Wireless Mobile Mouse 4000, Wireless Mobile Mouse 900

### **3. Wilayah/Rantau**

Waranti ini hanya sah di Hong Kong, India, Jepun, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

#### 4. Waranti

- (a) Microsoft memberi jaminan bahawa Produk Microsoft tidak akan mengalami kepincangan tugas akibat daripada kerosakan dalam bahan atau mutu kerja di bawah Keadaan Penggunaan Normal.
- (b) Tertakluk kepada hak undang-undang (statutori) anda di bawah undang-undang tempatan anda, Waranti ini adalah satu-satunya jaminan, waranti atau syarat yang Microsoft beri kepada Produk Microsoft anda. Tiada sesiapa yang boleh memberi apa-apa jaminan, waranti atau syarat bagi pihak Microsoft.
- (c) SEKIRANYA UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA MEMBERI APA-APA WARANTI TERMASUK WARANTI KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN YANG TERSIRAT BAGI TUJUAN TERTENTU, TEMPOH MASANYA ADALAH SAMA DENGAN WARANTI INI. SESETENGAH NEGERI, WILAYAH ATAU NEGARA TIDAK MEMBENARKAN PEMBATASAN KE ATAS BERAPSA LAMA WARANTI YANG TERSIRAT AKAN BERTAHAN, JADI PEMBATASAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA.

#### 5. Bagaimana Mendapatkan Perkhidmatan Waranti

Sebelum menyediakan perkhidmatan waranti, Microsoft atau ejennya akan meminta anda untuk menyediakan bukti pembelian bagi Produk Microsoft.

- (a) Sebelum memulakan proses waranti, sila guna petua “troubleshooting” di [support.microsoft.com](https://support.microsoft.com).
- (b) Sekiranya petua “troubleshooting” tidak dapat menyelesaikan masalah anda, maka ikuti proses dalam talian di [support.microsoft.com/devices](https://support.microsoft.com/devices).
- (c) **Sila simpan Data atau Program sandaran dan Hapuskan Maklumat Sulit.** Sebelum menghantar Produk Microsoft anda kepada Microsoft untuk dibaiki, pastikan untuk:
  - i. SIMPAN SATU SALINAN APA-APA DATA ATAU PROGRAM YANG ANDA MAHU SIMPAN. MICROSOFT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI DATA ATAU PROGRAM ANDA DAN AKAN MEMADAMKANNYA; DAN
  - ii. HAPUSKAN APA SAHAJA YANG ANDA ANGGAP SULIT. MICROSOFT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KERAHSIAAN MAKLUMAT ANDA SEKIRANYA ANDA MEMBIARKAN MAKLUMAT SULIT DALAM PERANTI ANDA.

Perkhidmatan waranti mungkin hanya disediakan di negara/rantau di mana anda membuat pembelian Produk Microsoft. Sekiranya anda beli di Vietnam, perkhidmatan waranti disediakan hanya di Vietnam. Sekiranya perkhidmatan waranti tidak disediakan kepada anda di negara/rantau di mana peranti itu berada apabila perkhidmatan waranti diperlukan, Microsoft mungkin akan menawarkan pilihan sokongan lain dengan caj tambahan.

#### 6. Tanggungjawab Microsoft

- (a) Sekiranya Microsoft menentukan bahawa Produk Microsoft mengalami kepincangan tugas di bawah Keadaan Penggunaan Normal semasa berada dalam tempoh waranti akibat daripada kerosakan dalam bahan atau mutu kerja, Microsoft akan (mengikut

pilihannya) membaiki atau menggantikannya atau bahagian yang rosak atau membayar balik harga belian sebagai pertukaran kepada pemulangan Produk Microsoft, melainkan peruntukan mandatori undang-undang tempatan anda menyatakan sebaliknya. Melainkan peruntukan mandatori undang-undang tempatan anda menyatakan sebaliknya, pombaikan boleh menggunakan alat baharu atau diperbaharui dan pengantian boleh menggunakan unit baharu atau diperbaharui. Semasa menggantikan unit, Microsoft boleh menggunakan sama ada unit model yang sama atau, jika tidak ada, bentuk, fungsi, prestasi dan warna model paling dekat dengan model asal, mengikut budi bicara mutlak Microsoft. Produk Microsoft atau semua alat Produk Microsoft anda yang digantikan oleh Microsoft menjadi harta benda Microsoft.

- i. BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI KOREA: (A) sekiranya kepincangan tugas berlaku dalam tempoh sebulan dari tarikh pembelian asal, barang akan digantikan dengan barang baharu daripada jenis yang sama atau (B) sekiranya kepincangan tugas berlaku berulang kali atau akibat daripada punca yang diatribut kepada Microsoft, barang itu sama ada akan digantikan dengan barang baharu daripada jenis yang sama atau dibayar balik.
  - ii. BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI VIETNAM: sekiranya kepincangan tugas berkalu berulang kali dan Microsoft telah membaiki barang tersebut lebih daripada tiga kali tetapi masalah kepincangan tugas gagal dibetulkan, barang itu sama ada akan digantikan dengan barang baharu daripada jenis yang sama atau dibayar balik.
  - iii. BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI TAIWAN: Jika kepincangan tugas berlaku secara berulang dan Microsoft telah membaiki barang tersebut sebanyak tiga kali tetapi kepincangan tugas tetap tidak dibetulkan, barang itu sama ada diganti dengan barang baru daripada jenis yang sama atau harga pembelian barang itu akan dibayar balik.
- (b) Melainkan peruntukan mandatori undang-undang tempatan anda menyatakan sebaliknya, selepas pombaikan atau pengantian, Produk Microsoft anda akan dilindungi Waranti ini bagi baki tempoh masa yang tertinggal daripada tempoh waranti asli anda atau 90 hari selepas Microsoft menghantarnya kepada anda.
- BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI KOREA, di mana Produk Microsoft digantikan dengan barang baharu daripada jenis yang sama, tempoh waranti bagi barang baharu yang sedemikian akan diperbaharui kepada satu tahun tanpa mengambil kira baki tempoh waranti asli anda.
- BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI VIETNAM, masa yang diambil bagi pombaikan atau pengantian akan dimasukkan ke dalam baki tempoh waranti anda.
- (c) MELAINKAN PERUNTUKAN MANDATORI UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA MENYATAKAN SEBALIKNYA, TANGGUNGJAWAB MICROSOFT UNTUK MEMBAIKI ATAU MENGGANTIKAN PRODUK, MICROSOFT ANDA, ATAU MEMBAYAR BALIK HARGA PEMBELIAN ADALAH REMEDI ESKLUSIF ANDA.
- (d) Tertakluk kepada undang-undang tempatan anda, sekiranya Produk Microsoft anda mengalami kepincangan tugas selepas tempoh waranti atau sekiranya Produk Microsoft anda sebaliknya dikecualikan daripada Waranti ini, Microsoft mungkin akan mengenakan caj bagi usahanya (sama ada berjaya atau tidak) untuk mendiagnosis dan membaiki apa-apa masalah dengannya.

## 7. Pengecualian Waranti

Setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang tempatan anda, Microsoft tidak bertanggungjawab dan Waranti ini tidak terpakai (dan Microsoft tidak akan menawarkan perkhidmatan sekalipun dibayar) bagi:

- (a) produk Microsoft yang tidak dibeli daripada Microsoft atau peruncit atau penjual berdaftar;
- (b) kerosakan akibat daripada penggunaan dengan produk, aplikasi atau perkhidmatan yang tidak dikeluarkan, diberi lesen atau dibekalkan oleh Microsoft (termasuk sebagai contoh permainan atau aksesori yang tidak dikeluarkan atau diberi lesen oleh Microsoft dan permainan cetak rompak);
- (c) Nombor siri atau IMEI Produk Microsoft yang diubah atau dibuang;
- (d) kerosakan akibat daripada apa-apa punca dari luar (termasuk sebagai contoh dengan terjatuh, mendedahkan kepada cecair atau digunakan tanpa pengudaraan yang secukupnya);
- (e) kerosakan akibat daripada penggunaan yang tidak mengikut dengan manual pengguna atau apa-apa arahan lain yang disediakan oleh Microsoft;
- (f) kerosakan akibat daripada pemberian atau pengubahsuaian yang dibuat oleh seseorang selain daripada Microsoft atau pembekal perkhidmatan Microsoft berdaftar;
- (g) kesan calar, kemik, kerosakan kosmetik lain atau kemungkinan kerosakan yang dijangka daripada kehausan dan kelusuhan normal;
- (h) kerosakan akibat daripada penggodaman, pemecahan masuk (cracking), virus atau perisian hasad lain atau dengan akses tidak dibenarkan ke atas perkhidmatan, sistem komputer atau rangkaian; atau
- (i) Produk Microsoft yang perkakasan atau perisiannya diubah suai bagi meminda fungsi atau keupayaannya dengan menggunakan kod hasad, perisian hasad, bot, cecacing komputer, trojan, pintu belakang, pengeksplotasian, penipuan, memperdaya, penggodaman, diagnosis tersembunyi atau mekanisme lain:
  - i. bagi melumpuhkan sekuriti atau mekanisme kandungan yang dilindungi;
  - ii. memberi pengguna kelebihan yang tidak wajar atau merendahkan mutu pengalaman pengguna lain dalam permainan dalam talian;
  - iii. memperdaya atau menipu Microsoft atau yang lain; atau
  - iv. yang boleh memudaratkan Produk Microsoft atau sistem kami.

Waranti ini hanya terpakai jika Produk Microsoft anda digunakan dengan sistem pengendalian Microsoft yang telah dipasang dalam Produk Microsoft anda atau apa-apa versi sistem pengendalian yang seumpama dengannya atau versi seterusnya.

Waranti ini tidak terpakai bagi (a) alat habis pakai yang direka untuk menyusut mengikut peredaran masa seperti penyusutan kapasiti pengecasan bateri akibat daripada pengakhiran hayat produk secara semula jadi, melainkan kegagalan berlaku akibat daripada kerosakan dalam bahan atau mutu kerja atau (b) kad SIM atau apa-apa selular atau rangkaian lain atau sistem di mana Produk Microsoft beroperasi.

Waranti ini tidak terpakai ke atas mana-mana perisian yang diedarkan oleh Microsoft dengan Produk Microsoft.

Microsoft tidak memberi jaminan bahawa penggunaan anda ke atas Produk Microsoft tidak terganggu, tepat pada masanya, selamat atau bebas ralat atau kehilangan data tidak berlaku.

## **8. PENGECUALIAN SESETENGAH GANTI RUGI DAN PEMBATASAN LIABILITI**

MELAINKAN DINYATAKAN SEBALIKNYA DI BAWAH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA, MICROSOFT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI APA-APA GANTI RUGI SECARA TIDAK LANGSUNG, KEBETULAN, KHAS ATAU BERBANGKIT; APA-APA KEHILANGAN DATA, PRIVASI, KERAHSIAAN ATAU KEUNTUNGAN; ATAU APA-APA KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN PRODUK MICROSOFT ANDA. PENGECUALIAN INI TERPAKAI SEKALIPUN JIKA MICROSOFT TELAH DIBERI NASIHAT KEMUNGKINAN GANTI RUGI INI DAN SEKALIPUN JIKA APA-APA REMEDI GAGAL DARIPADA TUJUAN PENTINGNYA. SESETENGAH NEGERI, WILAYAH DAN NEGARA/RANTAU TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN ATAU PEMBATASAN GANTI RUGI KEBETULAN ATAU BERBANGKIT, JADI PEMBATASAN ATAU PENGECUALIAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA.

SETAKAT MANA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA, JIKA ANDA MEMPUNYAI APA-APA ASAS BAGI REMEDI MELAMPAUI PEMBAIKAN, PENGGANTIAN ATAU MENDAPATKAN BAYARAN BALIK—LIHAT BAHAGIAN 6(c), LIABILITI MICROSOFT KEPADA ANDA TIDAK BOLEH MELEBIHI DARIPADA HARGA PEMBELIAN YANG DIBAYAR BAGI PRODUK MICROSOFT (YANG BERKENAAN).

## **9. Terma Tambahan**

Semua bahagian Waranti ini terpakai setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan anda atau melainkan dilarang oleh undang-undang tempatan anda. Sekiranya sebuah mahkamah atau penimbang tara mendapati Microsoft tidak boleh menguatkuasakan sebahagian daripada Waranti ini sebagaimana yang tertulis, bahagian tersebut hendaklah disifatkan diganti dengan terma yang serupa yang menggambarkan tujuan ekonomi bermaksud sedekat mungkin setakat yang boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang yang berkaitan atau ditentukan oleh peruntukan statutori (atau di mana sebuah mahkamah tempatan atau penimbang tara tidak akan meminda Waranti ini, bahagian sedemikian akan diasangkan) tetapi yang selebihnya dalam Waranti ini tidak akan berubah.

## **10. Pilihan Undang-Undang**

Waranti ini tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang negara/rantau di mana Produk Microsoft dibeli, tanpa mengambil kira konflik prinsip undang-undang. Di Hong Kong, Waranti ini ditadbir oleh undang-undang Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (Hong Kong Special Administrative Region).

## **11. Timbang Tara yang Mengikat di Vietnam**

BAGI PRODUK MICROSOFT YANG DIBELI DI VIETNAM, anda dan Microsoft bersetuju untuk membawa apa-apa pertikaian yang tidak diselesaikan melalui persetujuan bersama kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Vietnam, Dewan Perdagangan dan Industri Vietnam (“VIAC”) bagi penyelesaian oleh timbang tara yang mengikat mengikut kepada Peraturan Timbang Tara. Sebuah panel dengan tiga orang penimbang tara yang dilantik di bawah Peraturan Timbang Tara VIAC akan menjalankan timbang tara dalam Bahasa Inggeris di Hanoi atau Bandar Ho Chi Minh (mana-mana yang berdekatan dengan anda).

## **Maklumat Microsoft untuk Dihubungi**

Rantau/Negara Pembelian	Entiti Kontrak Microsoft	Alamat
Hong Kong	Microsoft Ireland Operations Limited	One Microsoft Place, South County Business Park, Leopardstown, Dublin 18, Ireland

India	Microsoft Ireland Operations Limited	One Microsoft Place, South County Business Park, Leopardstown, Dublin 18, Ireland
Jepun	Microsoft Japan Co., Ltd.	Shinagawa Grand Central Tower, 2-16-3 Konan Minato-ku, Tokyo, Japan 108-0075
Korea	Microsoft Korea, Inc.	50 Jongro1-gil Jongro-gu, Seoul, Korea, 110-150
Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam	Microsoft Regional Sales Pte. Ltd.	182 Cecil Street, #13-01 Frasers Tower, Singapore 069547
Taiwan	Microsoft Taiwan Corporation	18F, No. 68, Sec. 5, Zhongxiao E. Rd., Xinyi District, Taipei 11065, Taiwan